

## Majlis Pelancaran ‘sekolah digital pertama’ di Malaysia, Sekolah Anak Malaysia (SAM), usaha sama LeapEd dan PayNet

SAM adalah sekolah digital pertama yang menawarkan kurikulum kebangsaan dengan pengkhususan pembelajaran dan pengalaman pembelajaran berinovasi yang direka khusus untuk persekitaran dalam talian



Dari kiri ke kanan: Haji Hakim Hamzah, Setiausaha Agung Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM); Prof. Dr. Zainal Abidin Sanusi, Pengarah, Pusat Sejahtera Untuk Kelestarian & Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia; Farhan Ahmad, Pusat Sejahtera Untuk Kelestarian & Kemanusiaan, PayNet; Jun Maria Tan Abdullah, Pengarah Kanan, PayNet Akar; Shahnaz Al-Sadat, Pengerusi, LeapEd Services dan Pengarah Urusan, Sekolah Anak Malaysia.

**KUALA LUMPUR, 22 Ogos 2024 – LeapEd Services Sdn Bhd (LeapEd) dan Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (PayNet)** hari ini telah mengumumkan pelancaran Sekolah Anak Malaysia (SAM), iaitu sebuah ‘sekolah digital pertama’ di Malaysia. SAM merupakan sekolah digital pertama, di mana kurikulum dan kaedah pengajarannya dibangunkan khusus untuk persekitaran digital, bagi memastikan fleksibiliti, interaktiviti dan pembangunan sahsiah pelajar.

SAM ditubuhkan sebagai tindak balas terhadap Kajian Pemulihan Pasca-COVID LeapEd, yang mengenal pasti keperluan mendesak untuk merapatkan jurang pembelajaran. Keterdesakan ini kemudian dinyatakan dalam skor PISA 2023, yang menekankan keperluan kritikal untuk penyelesaian pendidikan yang berinovasi. Pasca pandemik COVID-19, kerajaan Malaysia telah mengambil tindakan segera untuk memulihkan kerugian pembelajaran. Namun, keberhasilan pembelajaran di Malaysia kekal rendah, dengan menghadapi dua cabaran: menambah baik tahap pembelajaran dalam agregat dan memastikan golongan yang tidak berkemampuan tidak ketinggalan, menurut laporan Pemantauan Ekonomi Malaysia, Bank Dunia 2024.

Dengan visi untuk mencapai 10,000 pelajar pada dekad akan datang, SAM kini mempunyai pelajar dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3, dengan rancangan untuk berkembang ke sekolah menengah atas pada tahun hadapan dan akan melancarkan program sekolah rendah menjelang 2026.

**Shahnaz Al-Sadat, Pengerusi LeapEd Services dan Pengarah Urusan Sekolah Anak Malaysia** percaya bahawa, meskipun sistem pendidikan Malaysia menghadapi cabaran yang signifikan, kita mempunyai peluang yang besar dengan bersama-sama berusaha untuk menanganinya. “*LeapEd bukan sahaja bertindak balas terhadap keperluan semasa, tetapi menyediakan asas untuk transformasi yang berkekalan dalam pendidikan. Kami bekerjasama dengan kerajaan dan organisasi masyarakat sivil untuk menangani isu defisit pembelajaran, dan pada masa yang sama berusaha untuk memastikan pendidikan yang berkualiti dalam jangka panjang. Kami amat berbesar hati untuk melibatkan semua rakyat Malaysia dalam menjayakan inovasi ini demi generasi akan datang, kerana setiap kanak-kanak berhak mendapatkan akses kepada dunia yang penuh dengan peluang,*” katanya.

Kejayaan SAM disokong oleh perkongsian strategik dengan organisasi terkemuka yang berdedikasi untuk meningkatkan pengalaman pendidikan. PayNet adalah sebuah syarikat teknologi kewangan terkemuka yang berdedikasi untuk memacu inovasi dalam ekonomi digital Malaysia, menjadikannya rakan kongsi utama dalam misi LeapEd untuk menyediakan pendidikan berkualiti kepada semua. Sebagai rakan pengasas SAM, PayNet memainkan peranan penting dalam membiayai kurikulum berkaitan industri sekolah dan menyediakan biasiswa, dengan itu memperkasakan generasi pelajar akan datang dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk cemerlang dalam era digital.

*“PayNet komited untuk memperkasakan generasi akan datang melalui pendidikan sedia-masa hadapan. Dengan menyepadan teknologi kewangan dalam kurikulum dan memupuk warga global yang holistik, kami merapatkan jurang antara pembelajaran di bilik darjah dengan peluang di dunia sebenar. Perkongsian ini selaras dengan visi kami untuk memupuk minat awal terhadap literasi digital dan kewangan, dan memastikan pelajar dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan untuk maju dalam landskap perkhidmatan kewangan yang kian berkembang dengan pesat,”* kata **Jun Maria, Pengarah Kanan, PayNetAkar.**

Rakan kongsi lain termasuk:

- **21K School:** LeapEd menjalin perkongsian strategik dengan 21K School, sekolah dalam talian terkemuka di Asia, untuk merealisasikan visinya dalam menyediakan pendidikan yang boleh diakses, berkualiti tinggi dan relevan, menggabungkan amalan terbaik global dengan kepakaran tempatan. Bersama-sama, mereka membawa perspektif global dan amalan mampan dalam pendidikan di SAM.
- **Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM/RCSM):** PBSM, rakan kokurikulum kebangsaan SAM, mengintegrasikan pembangunan kepimpinan dan penglibatan komuniti dalam pengalaman pelajar.
- **IIUM Sejahtera Centre for Sustainability and Humanity:** Bekerjasama dengan SAM, menyediakan kediaman dan kemudahan pembelajaran, menyumbang kepada pembangunan holistik pelajar dalam rangka kerja yang mampan dan beretika.

**Tuan Haji Hakim Bin Haji Hamzah, Setiausaha Agung Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia** berkongsi, *“Kami berharap kerjasama ini dapat memupuk semangat kesukarelawanan dan nilai kemanusiaan di kalangan pelajar, tidak lupa juga untuk meningkatkan pengetahuan mereka tentang kesihatan dan keselamatan serta kesiapsiagaan menghadapi bencana.”*

LeapEd turut melancarkan program READy+ - satu inisiatif yang disasarkan, yang direka untuk menangani cabaran literasi dan numerasi yang dihadapi oleh pelajar sekolah rendah di Malaysia dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik, terutamanya berikutan pandemik COVID-19. Sebahagian daripada Program Sokongan Pemulihan Pendidikan (PSPP) di bawah Kementerian

Pendidikan, READY+ melengkapi Program Literasi dan Numerasi (PLaN) Kementerian Pendidikan dengan meningkatkan kapasiti guru dan menyepakatkan alat diagnostik amalan terbaik, melengkapkan pendidik dengan kemahiran pedagogi yang lebih baik untuk menangani cabaran literasi dan memupuk persekitaran pembelajaran inklusif di seluruh Malaysia.

SAM dan READY+ telah dilancarkan pada forum **Partnership, Advocacy, and Collaboration in Education (PACE)** LeapEd di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Forum "Reimagining Education, Innovation in Action" adalah sebahagian daripada objektif berterusan PACE untuk menangani isu pendidikan kritikal, termasuk impak pandemik, kesihatan mental dan pemansuhan PT3. Sejak penubuhannya pada Disember 2021, PACE telah menyediakan platform perbincangan dalam kalangan pemimpin korporat, NGO dan wakil pelajar, memacu pembaharuan pendidikan.

Shahnaz, yang baru-baru ini dicalonkan sebagai finalis untuk *Asia Education Medal* oleh T4 Education dan HP, menambah, "*Program ini direka untuk menangani jurang yang semakin teruk akibat pandemik dan mewujudkan penanda aras baharu untuk kecemerlangan pendidikan di Malaysia. Ia menandakan bermulanya perjalanan transformasi, kerana SAM dan READY+ dijangka dapat memajukan landskap pendidikan secara signifikan dan menyumbang kepada masa hadapan negara.*"

-Tamat-

#### **Tentang LeapEd Services Sdn Bhd**

LeapEd Services Sdn Bhd (LeapEd) merupakan penyedia perkhidmatan pendidikan tempat yang pertama di Malaysia dan perusahaan sosial yang dipercayai. Matlamat LeapEd adalah untuk membangunkan para pelajar secara holistik dengan kompetensi abad ke-21 serta sekolah yang dilengkapi dengan amalan pendidikan yang mampan. LeapEd percaya bahawa setiap kanak-kanak berhak mendapat masa depan yang cerah. Oleh itu, LeapEd bekerjasama rapat dengan rakan strategik dan Kementerian Pendidikan Malaysia melalui kerjasama awam-swasta yang memberi tumpuan terhadap transformasi sekolah secara menyeluruh dan pembelajaran berpusatkan murid untuk merealisasikan potensi setiap pelajar.

Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, LeapEd telah mereka bentuk dan melaksanakan pelbagai model pendidikan seperti District Transformation Programme-AMAN (DTP- AMAN), Islamic School Enhancement Programme (ISEP), Ground-up School Transformation Programme (GUSTO), Program Sekolah Transformasi (PreSTasi), Supporting Remedial English Students in Primary Schools (ESRI), CyberWira serta Program Sekolah Amanah (PSA) yang pertama di negara ini. Sejak pelaksanaannya, program ini telah memberi impak kepada lebih 257,253 orang murid, 12,768 orang guru dan 1,586 buah sekolah meliputi 15 buah negeri di seluruh Malaysia.

Untuk maklumat lanjut sila layari: [www.leapedservices.com](http://www.leapedservices.com)

#### **Tentang PayNet**

Payments Network Malaysia (PayNet) ialah rangkaian pembayaran nasional dan infrastruktur pusat yang dikongsi untuk pasaran kewangan Malaysia dengan visi untuk memperkisasikan ekonomi digital Malaysia. Suite pembayaran runcit kami yang meluas, DuitNow (QR dan P2P), JomPAY (Pembayaran Bil), FPX (Dalam Talian), MyDebit (Debit Domestik), MEPS dan IBG (GIRO Antara Bank) mempunyai liputan hampir di semua kawasan, di seluruh negara dan menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian di Malaysia. Selain itu, rangkaian pembayaran QR runcit masa nyata PayNet, DuitNow, juga boleh dikendalikan dengan skim domestik di Singapura, Thailand dan Indonesia untuk membolehkan transaksi rentas sempadan yang lancar dengan negara tersebut. PayNet komited untuk mempromosikan ekosistem pembayaran yang selamat, cekap dan inovatif di Malaysia, dan bekerjasama rapat dengan pihak berkepentingannya untuk membangunkan produk dan perkhidmatan baharu yang memenuhi keperluan pengguna dan perniagaan yang semakin berkembang. Untuk butiran lanjut, sila layari laman web kami: [www.paynet.com.my](http://www.paynet.com.my)

**Pegawai Media:**

**Farah Qistina**

[Farah.Qistina@edelman.com](mailto:Farah.Qistina@edelman.com)

+6016-2095448

**Aina Zuraini**

[Aina.Zuraini@edelman.com](mailto:Aina.Zuraini@edelman.com)

+6011-11692356